

Malaysia bakal hasil kultur sel stem

KUANTAN 26 Jan. — Malaysia akan muncul sebagai pusat penghasilan kultur sel stem terbesar di dunia apabila termeterainya memorandum persefahaman (MoU) antara Kerajaan Negeri Pahang dengan Bio-Cellular Research Organisation (BCRO), pada 28 Januari ini.

Menurut satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Sekretariat Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) di sini, hari ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan hadir bagi menyaksikan majlis itu.

“MoU ini melibatkan Pahang Technology Resources Sdn. Bhd, iaitu anak syarikat kerajaan negeri dengan BCRO Stem Cell Xenotransplantation Sdn. Bhd., sebuah syarikat yang beribu pejabat di Amerika Syarikat,” kata kenyataan tersebut.

BCRO adalah sebuah syarikat antarabangsa yang terkenal dengan kepakarannya dalam bidang pengkulturan sel stem se-

jak tiga dekad lalu.

Menurut kenyataan itu, usaha untuk melakukan pemindahan teknologi dan kepakaran dalam bidang tersebut ke negara ini akan mengambil masa tiga tahun dan dianggar membabitkan kos RM280 juta.

Ketika ini, jelas kenyataan itu, kaedah pengkulturan sel stem telah banyak dipraktikkan oleh doktor-doktor dan pihak hospital di Utara dan Selatan Amerika, Eropah, Afrika, Asia serta Australia.

“Ia telah menampakkan kejayaan membabitkan 200 pesakit di Asia Tenggara, Asia, Hong Kong dan Australia termasuk kira-kira 100 kes di Malaysia sejak dua setengah tahun lalu,” kata kenyataan itu.

Kaedah pengkulturan sel stem dilihat mempunyai potensi dalam merawat penyakit-penyakit kronik yang dihadapi manusia seperti kanser, kencing manis, kerosakan otot dan sindrom down.